


---

ANALISA POLA-POLA PETEMPATAN PENDUDUK:  
KAJIAN KES DAERAH PERAK TENGAH.



Oleh:

Mohd Ali Jalaluddin  
1983/84

Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan  
Universiti Sains Malaysia  
Pulau Pinang

---

+++++

RPW 560 - Projek Penyelidikan Atas Daya Usaha Pemuntut ini adalah merupakan salah satu syarat utama untuk penganugerahan Ijazah Sarjana Sains(Perancang Bandar dan Wilayah) di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

+++++

SIENHAI - KRANEDUNGRIN

JANUARI

1918

PIETRI

LAUSANNE

Senarai Kandungan:

m/s

Senarai Jadual .....	iv
Senarai Rajah .....	v
Senarai Peta .....	vii
Senarai Lampiran .....	ix

Abstrak .....	1
Prakata .....	2
Penghargaan .....	3
Organisasi Laporan .....	5
Ringkasan Jumpaan dan Cadangan .....	6

**BAB 1 - LATAR BELAKANG KAJIAN**

1.1 - Pendahuluan .....	14
1.2 - Hipotesis Kajian .....	15
1.3 - Objektif Kajian .....	16
1.4 - Skop Kajian .....	16
1.5 - Metodologi Kajian .....	17

**BAB 2 - PEMBENTUKAN TEORI PETEMPATAN PENDUDUK**

2.1 - Teori Asal .....	21
2.1.1 - Teori Petempatan Pusat .....	22
2.1.2 - Teori Pertumbuhan Ekonomi .....	29
2.2 - Pengubahsuaian Teori .....	33
2.2.1 - Teori Petempatan Pusat .....	33
2.2.2 - Teori Pertumbuhan Ekonomi .....	36
2.3 - Ciri-Ciri Penting Petempatan Penduduk .....	39
2.3.1 - Petempatan luar bandar .....	39
2.3.2 - Petempatan bandar .....	41

2.4 - Rumusan .....	44
2.4.1 - Rumusan pengubahsuaian teori .....	44
2.4.2 - Ciri-ciri petempatan penduduk di dalam kawasan kajian .....	44
2.4.3 - Hujah-hujah penting .....	45

### BAB 3 - ANALISA KAJIAN KES

3.1 - Latar Belakang Kawasan Kajian .....	47
3.1.1 - Pendahuluan .....	47
3.1.2 - Kedudukan kawasan .....	50
3.1.3 - Mukim dan keluasan kawasan .....	50
3.1.4 - Bandar .....	54
3.1.5 - Penduduk .....	56
3.1.6 - Aktiviti penduduk dan corak gunatanah .....	60
3.1.7 - Sistem perhubungan .....	63
3.1.8 - Topografi .....	63
3.2 - Petempatan Luar Bandar .....	64
3.2.1 - Pendahuluan .....	64
3.2.2 - Corak taburan petempatan penduduk secara keseluruhan .....	65
3.2.3 - Jenis-jenis petempatan penduduk luar bandar .....	72
3.3 - Petempatan Bandar .....	86
3.3.1 - Pendahuluan .....	86
3.3.2 - Keadaan penduduk bandar .....	87
3.3.3 - Fungsi bandar .....	90
3.3.4 - Hirarki bandar .....	94
3.3.5 - Kawasan tadahan bandar .....	97
3.3.6 - Rancangan pembangunan petempatan bandar baru .....	99

3.4 - Peranan Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Seberang Perak Dalam Pembentukan Petempatan Penduduk .....	102
3.4.1 - Pendahuluan .....	102
3.4.2 - Latar belakang projek .....	105
3.4.3 - Peranan projek .....	108
3.5 - Masalah Penduduk .....	117
3.5.1 - Pendahuluan .....	117
3.5.2 - Masalah infrastruktur .....	118
3.5.3 - Masalah pengangkutan .....	121
3.5.4 - Masalah pusat perkhidmatan .....	122
3.5.5 - Masalah kemudahan sosial .....	123

#### BAB 4 - CADANGAN STRATEGI PEMBANGUNAN PETEMPATAN PENDUDUK

4.1 - Pendahuluan .....	126
4.2 - Tujuan dan matlamat strategi pembangunan .....	127
4.3 - Strategi-strategi cadangan .....	128

#### BAB 5 - KESIMPULAN

5.1 - Kesimpulan analisa .....	138
5.2 - Kesimpulan hipotesis .....	141

Penutup .....	142
---------------	-----

Lampiran .....	143
Bibliografi .....	171

Senarai Jadual:

m/s

Jadual 3.1 - Mukim-Mukim Di Dalam Daerah Perak Tengah .....	52
Jadual 3.2 - Keluasan Daerah-Daerah Di Dalam Negeri Perak .....	53
Jadual 3.3 - Majlis Tempatan Dan Lembaga Bandaran Di Dalam Daerah Perak Tengah .....	54
Jadual 3.4 - Jumlah Penduduk Di Dalam Setiap Daerah Di Negeri Perak, 1970 .....	58
Jadual 3.5 - Kepadatan Penduduk Mengikut Daerah 1970 .....	59
Jadual 3.6 - Pecahan Gunatanah Pertanian Di Daerah Perak Tengah, 1974 .....	61
Jadual 3.7 - Bilangan Penduduk Bandar Bagi Lembaga Bandaran, 1980 .....	88
Jadual 3.8 - Bilangan Penduduk Majlis Tempatan Dan Lembaga Bandaran Di Dalam Daerah Perak Tengah Bagi Tahun 1980 dan 1970 .	89
Jadual 3.9 - Pecahan Jumlah Perkhidmatan Mengikut Jenis Perkhidmatan .....	91
Jadual 3.10- Pengiraan Kawasan Tadahan Berdasarkan Teori Petempatan Pusat Christaller .....	98

Senarai Rajah:

m/s

Rajah 1.1	- Carta Aliran Proses Perancangan .....	18
Rajah 1.2	- Jadual Kerja .....	20
Rajah 2.1	- Petempatan Pusat dan Batas-Batasnya .....	24
Rajah 2.2	- Hierarki Petempatan Pusat Yang Mem- bentuk Corak Jaringan Sarang Lebah .....	25
Rajah 2.3	- Corak Petempatan Pusat Berjiran Yang Mempunyai Kawasan Pengaruh yang Tidak Bertindih .....	25
Rajah 2.4	- Corak Petempatan Pusat Berjiran Yang Mempunyai Kawasan Pengaruh Bertindihan .....	26
Rajah 2.5	- Corak Petempatan Pusat Yang Mempun- yai Daya Pengaruh Yang Berlainan .....	26
Rajah 2.6	- Hierarki Petempatan Pusat Dengan Kawasan Pengaruh Yang Berbeza-beza .....	27
Rajah 2.7	- Huraian Model Sektor Secara Graf .....	30
Rajah 2.8	- Petempatan Pusat Bercorak Poligon Kerana Kepadatan Berkurang Apabila Semakin Jauh Dari Petempatan Pusat .....	35
- Rajah 2.9	- Huraian Model Sektor Secara Graf .....	37
Rajah 2.10	- Palmerstone North, New Zealand: Sebuah Bandar Yang Dibina Mengikut Corak Kekisi .....	42



Rajah 2.11 - Pola Pengzonan Berfungsi bandar yang unggul .....	43
Rajah 3.1 - Corak Susunan Tanah Di Dalam Kawasan Petempatan Tersusun Untuk Kawasan Tanaman Padi .....	83
Rajah 3.2 - Lakaran Kedudukan Tempat Kerja Dengan Tempat Kediaman .....	84
Rajah 3.3 - Lakaran Kedudukan Kawasan Perkampungan Peneroka .....	85
Rajah 3.4 - Hierarki Bandar-Bandar Berdasarkan Bilangan Penduduk 1980 .....	96

Senarai Peta:

m/s

Peta 3.1 - Kedudukan Kawasan Kajian (Daerah Perak Tengah) .....	49
Peta 3.2 - Kedudukan Mukim-Mukim Di Dalam Daerah Perak Tengah .....	51
Peta 3.3 - Rangkaian Perhubungan Jalanraya .....	55
Peta 3.4 - Kepadatan Penduduk Di dalam Daerah Perak Tengah Mengikut Mukim .....	57
Peta 3.5 - Corak Gunatanah Pertanian .....	62
Peta 3.6 - Corak Taburan Petempatan Penduduk .....	66
Peta 3.7 - Kawasan-Kawasan Yang Mempunyai Kepadatan Penduduk Yang Tinggi .....	69
Peta 3.8 - Jenis-Jenis Petempatan Penduduk .....	74
Peta 3.9 - Kawasan Tadahan Bandar dan Pembangunan Petempatan Bandar Baru .....	100
Peta 3.10 - Kedudukan Kawasan Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Seberang Perak .....	103
Peta 3.11 - Kawasan Petempatan Yang Menghadapi Kesukaran Untuk Ke Sekolah .....	124
Peta 3.12 - Kawasan Petempatan Yang Menghadapi Masalah Untuk Ke Pusat Kesihatan .....	125

Peta 4.1 - Strategi Jaringan Perhubungan Jalanraya .....	129
Peta 4.2 - Strategi Hierarki Bandar: Alternatif 1 .....	132
Peta 4.3 - Strategi Hierarki Bandar: Alternatif 2 .....	134
Peta 4.4 - Strategi Hierarki Bandar: Alternatif 3 .....	136

Senarai Lampiran:

m/s

Lampiran 1 - Potongan Akhbar " <u>Seberang Perak</u> <u>'Dara Pingitan' Penuh Harapan</u> " .....	143
Lampiran 2 - Potongan Akhbar " <u>Bukit Kulit Kerang</u> <u>Dijumpai Di Seberang Perak</u> " .....	145
Lampiran 3 - Potongan Akhbar " <u>Dari Belantara Kini</u> <u>Jadi Kawasan Pertanian Bersepadu</u> " .....	147
Lampiran 4 - Potongan Akhbar " <u>6,900 Keluarga</u> <u>Akan Nikmati Pendapatan Lumayan</u> " .....	149
Lampiran 5 - Potongan Akhbar " <u>Estet Padi Terbesar</u> <u>Di Bukit Chawi Dapat Sambutan</u> " .....	150
Lampiran 6 - Potongan Akhbar " <u>Projek Peman-</u> <u>gunan Ubah Wajah 6 Kampung</u> " .....	152
Lampiran 7 - Potongan Akhbar " <u>Perbadanan Per-</u> <u>lancongan Digesa Tarik Pelawat</u> <u>Ke Tempat-Tempat Sejarah</u> " .....	154
Lampiran 8 - Potongan Akhbar " <u>Penduduk Mukim</u> <u>Bandar Terpaksa Pindah Kerana</u> <u>Tidak Ada Pencarian</u> " .....	156
Lampiran 9 - Potongan Akhbar " <u>Projek Seberang</u> <u>Perak: Kampung-Kampung Lama Turut</u> <u>Merasa Nikmat</u> " .....	157

Lampiran 10 - Potongan Akhbar " <u>Usaha Tarik Relancong Ke Kampung Gajah</u> " .....	159
Lampiran 11 - Potongan Akhbar " <u>Sukar Dapat Tanah Untuk Pembangunan</u> " .....	160
Lampiran 12 - Potongan Akhbar " <u>Kampung Gajah Pusat Pentadbiran Zaman Penjajah</u> " .....	161
Lampiran 13 - Potongan Akhbar " <u>Kampung Terbiar Hingga Tahun 60-an</u> " .....	162
Lampiran 14 - Potongan Akhbar " <u>Serba Kurang Tetapi Tabah</u> " .....	163
Lampiran 15 - Potongan Akhbar " <u>Peneroka Asalnya Diburu Oleh Inggeris</u> " .....	164
Lampiran 16 - Potongan Akhbar " <u>Semangat Kebangsaan Bertapak Dengan Kukuh</u> " .....	165
Lampiran 17 - Potongan Akhbar " <u>Ramai Yang Biar Sawah Jadi Huma</u> " .....	166
Lampiran 18 - Potongan Akhbar " <u>Jalan Tunggal Rosak Lepas Setahun</u> " .....	167
Lampiran 19 - Jenis-Jenis Perkhidmatan Mengikut Hiraki Bandar .....	168

**ABSTREK.**

**PRAKATA.**

**PENGHARGAAN.**

**ORGANISASI LAPORAN.**

**RINGKASAN JUMPAAN**

**& CADANGAN.**

---

# ABSTREK

---

Kajian ini adalah untuk membuktikan kebenaran hipotesis yang telah dibentuk iaitu,

"Walaupun tumpuan pembangunan di dalam kawasan kajian adalah tertumpu kepada pembangunan di dalam sektor pertanian, namun strategi pertumbuhan khutub boleh meningkatkan taraf kehidupan penduduk".

Melalui objektif kajian di mana kajian ini telah menunjukkan bahawa strategi pembangunan kawasan kajian terpaksa memberi tumpuan kepada sektor pertanian dan kesan daripada strategi ini telah menyebabkan berlakunya beberapa perubahan di dalam corak petempatan penduduk. Di antara kesannya yang utama ialah wujudnya satu petempatan penduduk yang bercorak agrapolitan hasil dari pengubahsuaian terhadap struktur dan organisasi petempatan penduduk.

Jadi, berdasarkan kepada objektif tersebut, kajian ini telah dapat membuktikan bahawa hipotesis yang telah tercatat di atas adalah benar.

---

# **PRAKATA**

---

Kajian ini adalah kursus wajib PBP 560 - Kajian Penyelidikan Atas Daya Usaha Penuntut. Lapornya perlu disiapkan oleh setia penuntut yang mengikuti kursus Sarjana Sains (Perancang Bandar dan Wilayah) di Universiti Sains Malaysia. Kajian ini merupakan syarat utama bagi penganugerahan Ijazah Sarjana (Perancang Bandar dan Wilayah) atau MSc. (Planning). Oleh itu, kajian ini adalah sebagai memenuhi keperluan akademik sahaja.

Mengenai tajuk yang dipilih untuk kajian ini iaitu yang berkaitan dengan kajian Fola-Pola Petempatan Penduduk di mana tajuk ini adalah merupakan salah satu daripada aspek perancangan. Aspek yang berkaitan dengan penduduk adalah merupakan salah satu dari aspek yang terpenting di dalam perancangan kerana setiap perancangan pembangunan yang akan dilaksanakan di sesuatu tempat atau kawasan, ianya akan menitikberatkan kepentingan penduduk yang terlibat di dalam kawasan tersebut. Ianya juga merupakan salah satu dari tujuan perancangan di mana setiap perancangan adalah untuk memberi keselesaan kepada penduduk. Dengan adanya, kajian petempatan penduduk ini, adalah diharapkan agar ianya dapat membantu di dalam membentuk strategi perancangan petempatan penduduk di masa akan datang. Seterusnya akan dapat mengujudkan satu perancangan fizikal yang lebih komprehensif.

Setiap penganalisan yang dibuat di dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada objektif dan skop yang telah ditetapkan oleh penuntut serta dibimbing oleh pensyarah.



---

# PENGHARGAAN

---

Pertama sekali, saya bersyukur kehadiran Allah kerana dengan limpah kurniannya, telah memberi semangat, kesihatan yang baik serta fikiran yang waras kepada saya untuk menyiapkan kajian ini.

Kemudian, saya juga mengucapkan rasa terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua-dua ibu bapa saya diatas jasa dan pengorbanan mereka mendidik saya sehingga saya dapat dapat mencapai tingkat pelajaran seperti yang saya perolehi sekarang. Begitu juga kepada saudara mara yang telah memberi perangsang dan semangat kepada saya supaya terus belajar.

Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada kedua-dua pensyarah yang telah bertindak sebagai pemeriksa kepada laporan kajian saya ini untuk diluluskan. Kedua-dua mereka tersebut ialah:-

- i. En. Che Musa Che Omar.
- ii. En. Mohd Amiruddin Fawzi Bahauddin.

Kedua-dua mereka ini juga bertindak sebagai penasihat serta memberi tunjuk yang berguna kepada saya untuk menyiapkan kajian ini. Begitu juga, ucapan saya kepada pensyarah-pensyarah saya yang lain yang terlibat secara tidak langsung di dalam membantu saya dari segi memberi tunjuk ajar. Segala bantuan mereka ini sangat-sangat saya hargai.

Saya juga mengucapkan rasa terima kasih kepada pegawai pegawai kerajaan yang tidak dapat saya nyatakan di sini. Mereka

ini telah membantu saya dari segi memberi data-data serta maklumat-maklumat yang saya perlukan untuk tujuan kajian ini.

Tidak juga saya lupakan untuk mengucapkan rasa terima kasih saya kepada rakan rakan saya yang sedikit sebanyak telah membantu saya melengkapkan kajian ini dari segi memberi buah fikiran dan pandangan.

Sekian, terima kasih.

Ikhlas dari,



.....  
Mohd Ali Jalaluddin,  
C/59, Felcra Seberang Perak,  
Bota,  
Perak.

---

# **ORGANISASI LAPORAN**

---

Laporan ini mengandongi 5 bab. Secara ringkasnya, kandungan bab-bab di dalam laporan ini adalah seperti berikut:-

- Bab 1 - Di dalam bab ini menerangkan tentang latar belakang kajian mengenai hipotesis, objektif kajian, skop dan metodologi kajian.
- Bab 2 - Bab ini adalah berkaitan dengan teori-teori petempatan penduduk yang digunakan sebagai garis panduan di dalam penganalisaan kajian kes.
- Bab 3 - Merupakan bab penganalisaan terhadap kajian kes. Semua elemen-elemen petempatan penduduk yang dianalisa terkandung di dalam bab ini serta pengenalpastian masalah.
- Bab 4 - Mengandongi beberapa strategi-strategi yang telah dicadangkan bagi mengatasi masalah-masalah yang wujud.
- Bab 5 - Bab ini adalah bab yang terakhir sekali yang mengandongi kesimpulan analisa.

---

# **RINGKASAN JUMPAAN/CDGN.**

---

1. Berdasarkan kepada corak petempatan penduduk yang ditunjukkan di dalam peta 3.6, dapat dikatakan bahawa tumpuan petempatan penduduk adalah di sepanjang bahagian kiri dan kanan Sungai Perak.
2. Sungai Perak yang merupakan sistem perhubungan utama di zaman dahulu menjadi faktor utama yang menyebabkan petempatan-petempatan tradisional bertumpu di sepanjang tebing Sungai Perak.
3. Secara keseluruhannya, terdapat tiga jenis corak taburan petempatan penduduk di dalam kawasan kajian. Ketiga-tiga jenis tersebut adalah:-
  - a. Tumpuan petempatan di bahagian tengah kawasan kajian iaitu di sepanjang tebing kiri dan kanan Sungai Perak dari bahagian utara hingga ke bahagian selatan.
  - b. Tumpuan petempatan di bahagian-bahagian tertentu di sepanjang tebing Sungai Perak.
  - c. Tumpuan petempatan di bahagian tebing kanan lebih tinggi dari tebing kiri Sungai Perak.
4. Terdapat enam jenis petempatan penduduk yang terdapat di dalam daerah ini. Jenis-jenis petempatan tersebut adalah seperti berikut:-
  - a. Petempatan di dalam kawasan tanaman padi - Mempunyai ciri-

ciri corak kedudukan tanah yang berjajar, keluasan tanah yang dimiliki setiap petani antara 3-4 ekar, bentuk tanah berempatsegi (suarish shape) dan corak kedudukan rumah berjajar.

- b. Petempatan di dalam kawasan tanaman getah - Mempunyai ciri ciri corak kedudukan yang berkelompok, saiz lot tanah yang dimiliki antara 3-4 ekar, bentuk tanah berempatsegi (suarish shape) dan sistem perhubungan adalah jalan berturap serta lorong.
- c. Petempatan di dalam kawasan tanaman pokok buah-buahan - Mempunyai ciri-ciri corak kedudukan yang berjajar, saiz lot tanah yang dimiliki di antara 2-3 ekar, bentuk tanah yang dimiliki tidak tentu, mempunyai petempatan sementara dan sistem perhubungannya adalah jalan utama, lorong dan juga jalan air.
- d. Petempatan di kawasan estet - Mempunyai ciri-ciri keluasan lot tanah yang melebihi 100 ekar, bentuk tanah berempatsegi (suarish shape), corak petempatan yang berkelompok serta teratur dan sistem perhubungan adalah jalan utama serta lorong.
- e. Petempatan di kawasan perlombongan - Mempunyai ciri-ciri keluasan tanah lot yang melebihi 200 ekar, bentuk tanah yang tidak tentu, corak petempatan yang berkelompok serta sementara dan sistem perhubungan adalah jalan batu tabur.
- f. Petempatan tersusun - Terletak di dalam rancangan FELCRA, keluasan setiap lot antara 5-6 ekar, tempat kediaman bercorak berpusat serta terasing dari kawasan pertanian, ben-

tuk tanah berempatsegi(squarish shape) serta susunannya secara 'grid iron' dan sistem perhubungannya adalah jalan utama serta jalan tanah merah.

5. Hanya sebuah petempatan sahaja yang dapat dikategorikan sebagai petempatan bandar. Petempatan tersebut adalah bandar Parit yang mempunyai penduduk seramai 3,094 orang penduduk.
6. Bilangan penduduk bandar Parit pada tahun 1980 adalah menurun sebanyak 23.4% dari tahun 1970(rujuk jadual 3.8). Keadaan ini' terjadi adalah disebabkan banyaknya berlaku penghijrahan penduduk bandar di dalam kawasan kajian ke bandar-bandar besar di dalam wilayah-wilayah lain.
7. Oleh kerana hanya bandar Parit sahaja yang terdapat di dalam Daerah Perak Tengah, maka secara automatik fungsi bandar Parit adalah meliputi segala-galanya untuk Daerah Perak Tengah.
8. Jumlah aktiviti-aktiviti yang terdapat di dalam bandar Parit adalah sebanyak 103 perkhidmatan(rujuk jadual 3.9). Dengan jumlah ini menunjukkan bandar Parit adalah kecil jika dibandingkan dengan bandar-bandar lain yang menjadi pusat daerah bagi daerah masing-masing seperti Sitiawan(Daerah Manjung), Teluk Intan(Daerah Hilir Perak) dan Tanjung Malim(Daerah Batang Padang).
9. Oleh kerana kurangnya projek-projek pembangunan di zaman lalu telah menyebabkan wujudnya beberapa kesan yang mengakibatkan kurangnya petempatan bandar di dalam kawasan kajian. Kesan-kesan tersebut adalah berlakunya kekurangan peluang-peluang pekerjaan dan penghijrahan keluar penduduk-penduduk.

10. Mengenai hierarki bandar, kedudukan bandar Parit dengan bandar-bandar yang berdekatan dengan kawasan kajian adalah terletak ditempat yang kesembilan(rujuk rajah 3.4). Ini menyebabkan bandar Parit mengalami persaingan yang hebat dengan bandar-bandar lain yang lebih besar untuk berkembang.
11. Kawasan tadahan bagi bandar Parit adalah di dalam jarak 2.9 kilometer di sekelilingnya. Kawasan tadahannya adalah kecil. Sebahagian besar kawasan yang termasuk di dalam Daerah Perak Tengah adalah termasuk di dalam kawasan tadahan bandar Teluk Intan(rujuk peta 3.9).
12. Mengenai rancangan pembangunan petempatan bandar baru, di mana Kerajaan Negeri Perak akan mengujudkan dua buah lagi petempatan bandar baru di dalam Daerah Perak Tengah. Kedua-dua petempatan bandar baru tersebut adalah Bandar Baru Sri Iskandar dan Bandar Baru Changkat Lada(rujuk peta 3.9).
13. Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Seberang Perak merupakan agen yang akan membawa perubahan besar kepada Daerah Perak Tengah teruatom sekali kawasan yang terlibat iaitu di bahagian selatan daerah ini(rujuk peta 3.10).
14. Keluasan kawasan Projek Seberang Perak meliputi 79,725 hek. Sejak tahun 1953 sehingga tahun 1965 tanah seluas 64,145 hek telah dimajukan di dalam empat peringkat.
15. Dalam tahun 1971, Kerajaan Negeri Perak telah meminta kerjasama dari FELCRA untuk memajukan tanah seluas 716 hek. Projek ini telah mendapat kejayaan yang cemerlang dan dikenali sebagai blok B.

16. Dengan itu, dalam tahun 1978 Kerajaan Negeri telah memberi kepercayaan yang sepenuhnya kepada FELCRA untuk memajukan tanah seluas 17,617 hektar lagi untuk Projek Persawahan Seberang Perak. Tanah ini dimajukan di dalam enam peringkat, iaitu:-
- i. Projek pemulihan sawah padi sedia ada seluas 2,463 hek yang dimajukan oleh FELCRA sejak tahun 1978.
  - ii. Kawasan padi yang telah mempunyai kemudahan seluas 1,428 hek.
  - iii. Tanaman baru padi seluas 4,713 hek.
  - iv. Tanaman kelapa sawit seluas 6,936 hek.
  - v. Tanaman koko seluas 1,215 hek.
  - vi. Rancangan penempatan peserta seramai 5,513 orang di Pusat Bandar Baru Changkat Lada seluas 1,620 hek dan memajukan kawasan perkampungan tersusun Sungai Dedap untuk 1,348 peserta.
17. Di dalam kawasan Projek Persawahan Seberang Perak ini, terdapat satu projek estet padi yang terbesar di Malaysia yang dikenali sebagai Projek Estet Padi Bukit Cawi yang meliputi kawasan seluas 1,120 hek.
18. Mengenai peranan yang telah dimainkan oleh Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Seberang Perak terhadap pembentukan petempatan penduduk adalah seperti berikut:-
- a. Menukar wajah alam sekitar dari hutan belantara kepada kawasan-kawasan pertanian, petempatan baru yang tersusun, petempatan bandar dan sebagainya.



- b. Membentuk petempatan Bandar Baru Changkat Lada yang meliputi kawasan seluas 1,620 hek serta mempunyai keupayaan menempatkan penduduk seramai 5,513 orang di pusat bandar.
- c. Membentuk petempatan tersusun yang disediakan untuk peneroka-peneroka Projek Persawahan Seberang Perak yang berupaya menempatkan penduduk 60,000 orang. Di dalam petempatan tersusun ini, disediakan berbagai kemudahan perkhidmatan.
- d. Mengujudkan rangkaian perhibungan jalanraya yang lebih baik di mana dalam tahun 1981 sebatang jalanraya berturap sepanjang 20 kilometer telah dibina dari Teluk Sena hingga ke Sungai Jejawi melalui petempatan tersusun di Seberang Perak. Di dalam peringkat yang akan datang, pihak kerajaan akan membina satu rangkaian lebuhraya yang melalui Seberang Perak dan juga Bandar Baru Changkat Lada ( rujuk peta di dalam lampiran 3) serta sebuah jambatan yang menghubungkan Kampung Gajah dengan Mukim Pasir Salak. Di bahagian selatan kawasan kajian terdapat rangkaian Lebuhraya Pantai Barat yang sedang di dalam peringkat pembinaan.
- e. Mencorakkan penggunaan tanah di mana gunatanah pertanian dibahagikan kepada tiga jenis utama iaitu padi, koko dan kelapa sawit (rujuk no. 16) dan tanaman padi meliputi kawasan terbesar sekali. Mengenai corak pemilikan tanah pula, di mana setiap peserta diperuntukkan dengan tanah pertanian seluas 2.4 hek (6 ekar) serta tapak rumah berukuran 27.5m x 18.3m (90' x 60').
- f. Meningkatkan nilai tanah yang dimiliki oleh penduduk-penduduk yang tinggal berhampiran dengan Projek Pembangunan Pertanian Seberang Perak disebabkan kedudukan tanah-tanah ini terletak di dalam kawasan pembangunan.

- g. Mengujudkan lebih dari 6,000 peluang-peluang pekerjaan baru di dalam sektor pertanian, perniagaan, pentadbiran dan pembuatan melalui projek pembangunan ini.
  - h. Meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar dari \$1,500 hingga \$2,500 setahun(\$125 - \$208 sebulan) kepada \$4,785 setahun(\$400 sebulan).
  - i. Menambah hasil pengeluaran padi negara di mana negara akan mendapat tambahan beras sebanyak 49,000 tan setahun.
  - j. Memberi nikmat pembangunan kepada petempatan sekelilingnya yang sedia ada. Kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan untuk Projek Pembangunan Pertanian ini akan dapat dirasakan oleh penduduk-penduduk di petempatan sekeliling. Di antaranya ialah jalanraya, bekalan air, bekalan elektrik, peluang-peluang pekerjaan dan berbagai-bagai kemudahan perkhidmatan sosial.
19. Masalah-masalah utama yang dihadapi oleh penduduk di dalam kawasan kajian adalah:-
- a. Masalah infrastruktur iaitu perhubungan jalanraya, bekalan air dan bekalan elektrik.
  - b. Masalah pengangkutan terutamanya pengangkutan awam yang tiada langsung disebabkan tiada rangkaian jalanraya yang sempurna.
  - c. Masalah pusat perkhidmatan yang kedudukannya tidak begitu sesuai menyebabkan ianya tidak dapat memberi perkhidmatan yang sepenuhnya kepada seluruh penduduk di dalam kawasan kajian. Masalah ini menjadi semakin serius bila ditambah dengan masalah 'a' dan 'b' di atas.

d. Masalah kemudahan sosial di mana kanak-kanak sekolah dan penduduk-penduduk tempatan mengalami kesukaran untuk pergi ke sekolah atau ke pusat-pusat kesihatan untuk mendapatkan rawatan.

20. Terdapat tiga strategi yang telah dicadangkan. Strategi-strategi tersebut adalah:-

- a. Strategi 1 - Menitikberatkan tentang rangkaian perhubungan jalanraya bagi mengatasi masalah perhubungan dan pengangkutan.
- b. Strategi 2 - Memberi perhatian terhadap dasar Kerajaan Negeri Perak yang hendak menjadikan Daerah Perak Tengah khasnya kawasan Kampung Gajah sebagai pusat perancangan.
- c. Strategi 3 - Strategi ini memberi perhatian terhadap hierarki bandar di dalam kawasan kajian. Melalui strategi ini diharapkan agar masalah kekurangan dan kedudukan pusat-pusat perkhidmatan dapat di atasi.

**BAB 1 - LATAR BELAKANG  
KAJIAN.**

## 1.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan menjelaskan tentang hipotesis kajian, objektif, skop serta metodologi. Ini adalah untuk memastikan bahawa kajian yang akan dijalankan tidak akan terpesong dari tujuannya yang sebenar. Oleh itu, ianya akan bertindak sebagai garis panduan di dalam menjalankan kajian ini.

Perlu dijelaskan di sini bahawa di dalam menganalisa pola-pola petempatan penduduk, ianya merangkumi berbagai-bagai aspek. Oleh itu, tidak semua aspek-aspek tersebut dapat dianalisa kerana setiap kajian yang akan dijalankan adalah berdasarkan kepada objektif dan skop kajian tersebut. Begitu juga dengan kajian ini di mana setiap penganalisan yang dijalankan adalah berdasarkan kepada objektif dan skop yang telah ditetapkan.

## 1.2 HIPOTESIS KAJIAN

Jika ditinjau kepada keadaan peringkat pertumbuhan di dalam kawasan kajian ini maka di dapati sejak dari awal lagi pertumbuhannya adalah tertumpu kepada sektor pertanian. Oleh itu, strategi pembangunan bagi kawasan kajian ini di masa akan datang terpaksa memberi tumpuan khas kepada sektor pertanian dan ini akan mempengaruhi pembentukan corak petempatan penduduk di dalam kawasan kajian.

Pengubahsuaian yang wajar terhadap struktur dan organisasi di dalam corak petempatan penduduk adalah perlu dilakukan bagi membolehkan petempatan yang bercorak agropolitan<sup>1</sup> diperkenalkan di kawasan kajian.

Berdasarkan kepada faktor-faktor di atas maka satu hipotesis telah dibentuk untuk dibuktikan iaitu:-

"Walaupun fokus pembangunan di dalam kawasan kajian adalah tertumpu kepada pembangunan pertanian, namun strategi pertumbuhan khutub boleh meningkatkan taraf kehidupan penduduk".

- 
1. Agropolitan merupakan satu kawasan yang menjadikan sektor pertanian sebagai kegiatan yang utama serta di dalam bentuk skel yang luas. Ia mempunyai tujuan untuk membawa unsur-unsur perbandaran ke dalam kawasan-kawasan luar bandar. Dengan erti kata yang lain, kawasan-kawasan bandar akan diwujudkan di dalam kawasan-kawasan pertanian di luar bandar yang mana bandar-bandar ini akan bertindak sebagai pusat pertumbuhan bagi kawasan berkenaan.

### 1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini adalah berdasarkan kepada beberapa objektif yang telah ditetapkan. Objektif-objektif tersebut adalah seperti berikut:-

- a. Untuk menunjukkan bahawa strategi pembangunan terpaksa memberi tumpuan kepada sektor pertanian dan ini akan membawa beberapa kesan kepada corak petempatan penduduk. Ini adalah disebabkan peringkat pertumbuhan ekonomi di kawasan kajian masih lagi bercorak tradisional di mana sektor pertanian merupakan sektor pekerjaan yang utama.
- b. Untuk menunjukkan bahawa melalui pengubahsuaian terhadap struktur dan organisasi petempatan penduduk, satu bentuk petempatan yang bercorak agropolitan akan diperkenalkan di dalam kawasan kajian.

### 1.4 SKOP KAJIAN

Aspek-aspek yang akan dianalisa di dalam kajian ini adalah berkaitan dengan ciri-ciri bagi setiap jenis petempatan penduduk di dalam konteks perancangan kawasan. Ciri-ciri tersebut termasuklah sistem perhubungan, pengangkutan, bentuk tatatur (layout) rumah-rumah, bentuk petempatan dan sebagainya.

Akhir sekali kajian ini akan mengemukakan beberapa cadangan untuk strategi pembangunan petempatan penduduk yang di fikirkan perlu serta sesuai bagi kawasan kajian.

### 1.5 METODOLOGI KAJIAN


Di dalam menjalankan kajian ini, di peringkat pertama beberapa teori yang berkaitan dengan kajian ini telah dikenal pasti. Teori-teori tersebut adalah:-

- a. Teori Petempatan Pusat.
  - i. Model Christaller.
- b. Teori Pertumbuhan Ekonomi.
  - i. Model Sektor.
  - ii. Model Peringkat Pembangunan.
  - iii. Peringkat Pertumbuhan Ekonomi.

Teori-teori ini digunakan sebagai asas di dalam menjalankan kajian ini. Melalui teori-teori ini, penggunaannya akan dapat dilihat sama ada ciri-ciri yang terkandung di dalam teori-teori tersebut boleh menepati keadaan sebenarnya. Oleh itu, sekiranya teori-teori tersebut tidak dapat menepati ciri-ciri yang terdapat di dalam keadaan yang sebenarnya, maka pengubahsuaian terhadap teori-teori ini adalah perlu.

Mengenai kajian kes, sumber-sumber kajian diperolehi dari buku-buku rujukan, laporan-laporan kerajaan dan dari akhbar-





Rajah 1.1: Carta Aliran Proses Perancangan.

akhbar tempatan. Oleh itu, masalah-masalah penilaian timbul kerana data-data yang telah diperolehi tidak semestinya 'valid' dan 'reliable'. Ini ditambah pula dengan program-program pembangunan yang telah dirancang masih belum ataupun baru sahaja dilaksanakan. Jadi untuk mengatasi sebahagian dari masalah-masalah tersebut, tinjauan terhadap kawasan kajian dijalankan bagi mendapatkan gambaran sebenar mengenai kawasan kajian.

Di dalam rajah 1.1, menunjukkan Carta Aliran Proses Perancangan di mana ia menjelaskan bagaimana kaedah kajian yang digunakan dari peringkat awal hingga ke peringkat akhir.

Mengenai jadual kerja (rujuk rajah 1.2), peringkat penganalisaan data dan peringkat yang seterusnya telah tidak dapat dibuat mengikut jadual kerja yang telah ditetapkan kerana tumpuan khas tidak dapat diberikan disebabkan terlalu sibuk dengan kerja kursus yang lain. Oleh itu, kerja-kerja bagi peringkat berkenaan terpaksa ditunda seperti yang telah ditunjukkan di dalam jadual kerja tersebut.

Peringkat Kerja	Aktiviti Kerja	1982						1983										
		JULAI	AGOS	SEPT.	OKT.	NOV.	DIS.	GEN.	FEB.	MAR.	APR.	MAY	JUN	JUL.	AGOS	SEPT.	OKT.	NOV.
Pemilihan Tajuk.	<ul style="list-style-type: none"> <li>+ Penetapan hipotesis, objektif dan skop kajian.</li> <li>+ Penyediaan format laporan.</li> <li>+ Perbincangan dengan Pensyarah.</li> </ul>		→	→	→													
Pengumpulan Data.	<ul style="list-style-type: none"> <li>+ Mengambil data-data dari sumber sekunder.</li> <li>+ Mengambil data-data dari jabatan berkaitan.</li> <li>+ Membuat tinjauan terhadap kawasan kajian.</li> </ul>				→	→	→											
Penganalisan Data.	<ul style="list-style-type: none"> <li>+ Menganalisa data sekunder.</li> <li>+ Menganalisa data tinjauan.</li> <li>+ Mengenalpasti masalah.</li> <li>+ Cadangan.</li> <li>+ Membukti hipotesis.</li> <li>+ Menulis laporan.</li> </ul>						→	→	→	→	→	→	→	→	→	→	→	→
Pengantaran Draf Pertama.	+ Mengubahsuai laporan kajian berdasarkan komen pensyarah.										→							→
Pengantaran Draf Terakhir.											→							→

-----> JADUAL SEBENAR YANG TIRAK DAPAT DIKUTI.

Rajah 1.2: Jadual Kerja.

**PEMBENTUKAN  
BAB 2 - TEORI PETEMPATAN  
PENDUDUK.**

## 2.1 TEORI ASAL

Di dalam kajian ini, hanya dua teori sahaja yang telah digunakan sebagai asas di dalam menjalankan penyelidikan. Teori-teori tersebut adalah Teori Petempatan Pusat dan Teori Pertumbuhan Ekonomi. Bagi Teori Petempatan Pusat, hanya Model Christaller sahaja yang dibincangkan manakala bagi Teori Pertumbuhan Ekonomi, terdapat tiga model yang akan dibincangkan di mana model-model tersebut adalah Model Sektor, Model Peringkat Pembangunan dan Peringkat Pertumbuhan Ekonomi.

### 2.1.1 Teori Petempatan Pusat.

Model Christaller di dalam teorinya adalah bertujuan untuk menerangkan organisasi ruang petempatan dan kawasan-kawasan pendalaman terutamanya yang berkaitan dengan lokasi dan saiz relatifnya.<sup>1</sup>

Jadi, merujuk kepada tujuan utama Teori Petempatan Pusat menunjukkan bahawa Christaller telah memberi perhatian yang mendalam terhadap penyebaran mukim, desa dan kota-kota yang mana saiznya berbeza-beza. Dalam erti kata lain, bahawa Model Christaller ini adalah untuk membuat penganalisaan terhadap hierarki petempatan pusat dengan memberi perhatian terhadap faktor-faktor yang dapat menarik minat orang ramai untuk datang ke petempatan pusat.

Bagi menentukan penggunaan teori ini berjaya, Christaller telah membuat beberapa andaian iaitu:-<sup>2</sup>

- a. Dataran kawasan adalah seragam tanpa sebarang batasan serta mempunyai pengangkutan yang mudah untuk ke semua arah. Begitu juga dengan taburan penduduk bagi setiap kawasan adalah sama rata.
- b. Petempatan pusat yang terletak di dataran itu menyediakan barangan, perkhidmatan dan fungsi pentadbiran kepada kawasan pendalamannya.
- c. Biasanya pengguna akan mengurangkan jarak perjalanan untuk sesuatu tujuan. Oleh itu, pengguna akan datang ke petempatan pusat yang terdekat bagi mendapatkan perkhidmatan yang diperlukan.

---

1. Kent, W.A dan Bradford, M.G, "Geografi Manusia", Pajar Bakti Sdn. Bhd. 1981, m/s 3.

2. Ibid.

- d. Pembekal akan memilih tempat seberapa jauh yang mungkin di antara satu dengan lain bagi memaksimumkan kawasan pasaran.
- e. Ada petempatan pusat yang menyediakan banyak perkhidmatan yang dikenali sebagai pusat peringkat tinggi dan ada juga petempatan pusat yang tidak banyak menyediakan perkhidmatan dikenali sebagai pusat peringkat rendah.
- f. Pusat peringkat tinggi ini akan menawarkan perkhidmatan tertentu yang tidak ditawarkan oleh pusat peringkat rendah dan juga menawarkan perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan oleh pusat peringkat rendah.
- g. Semua pengguna diandaikan mempunyai pendapatan yang sama serta permintaan terhadap barangan atau perkhidmatan yang sama.

Berdasarkan kepada anggapan Christaller, bahawa petempatan pusat mempunyai batas-batas pengaruh yang mengelilingi petempatan pusat yang berkenaan. Jadi, setiap penduduk yang mendiami di dalam kawasan sekeliling batas-batas tersebut akan terpengaruh untuk mendapatkan segala perkhidmatan yang diperlukan di petempatan pusat berkenaan.


Hasil dari kesan batas pengaruh terhadap petempatan pusat, Christaller telah dapat membuat lima kesimpulan mengenai susunan ruang iaitu:-

Pertama, pembentukan batas ambang atau batas bawah (threshold level, lower limit), batas sebenar (real limits) dan batas unggul (ideal limits) bagi sesuatu kawasan pengaruh sesebuah

---

1. Ibid, m/s 5 - 7.

petempatan pusat. Batas unggul adalah jarak maksimum yang terletak di bawah pengaruh tempat berpusat manakala batas sebenar adalah jarak nyata yang dijalani oleh penduduk untuk mendapatkan barang-barang keperluan. Sedangkan batas ambang adalah jejari lingkaran yang melingkungi populasi ambang (rujuk rajah 2.1).



Sumber: Bradford & Kent, "Geografi Manusia",  
m/s 5.

Rajah 2.1: Petempatan pusat dan  
batas-batasnya.

Kedua, petempatan pusat yang membentuk jaringan sarang labah di mana pembentukan ini terjadi adalah disebabkan terdapatnya hubungan di antara lokasi pusat-pusat petempatan dengan kawasan sekitarnya (rujuk rajah 2.2).

Ketiga, petempatan pusat yang berjiran tetapi mempunyai kedudukan yang berjauhan akan membentuk corak petempatan yang ditunjukkan di dalam rajah 2.3.